

Universiti tidak suka label

Rahman, berkata langkah itu diambil kerana pentadbiran UNIMAS berhasrat melahirkan pemimpin yang terbuka dalam menangani sebarang isu.

"Pemilihan wakil pelajar di kampus adalah medan terbaik mengasah bakat kepemimpinan.

"Hanya satu 'pro' yang UNIMAS iktiraf iaitu profesional.

"Kita mahu setiap calon mempunyai sikap profesional dan melihat isu tanpa dibelenggu perasaan negatif.

"Biarlah fahaman itu berada di luar dan tidak dibawa dalam kampus," katanya.

UMP neutral

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof Dr Yuserrie Zainuddin, berkata prinsip neutral itu dikekalkan dalam kampus bagi menggalakkan pelajar berciri idealis dan mempunyai pemikiran sendiri.

"Senario politik negara kini juga sudah kucar kacir. Kita tidak mahu kekacauan itu merebak dalam kampus bagi mengekalkan keharmonian serta memelihara tradisi keilmuan.

"Tidak dinafikan ada percubaan daripada kumpulan Pro-A dan Pro-M untuk mendekati pelajar UMP tetapi berjaya dikawal," katanya.

san kepemimpinan baru," katanya ketika dihubungi.

Pelajar UPNM Pro-Negara

Jurucakap Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dalam satu kenyataan pula berkata semua calon yang bertanding merebut 14 kerusi adalah Pro-Negara.

Pro-Negara memegang prinsip utama iaitu mempertahankan kedaulatan

negara, pertahankan kedaulatan Yang Dipertuan Agong, mempertahankan kerajaan semasa, memperjuangkan visi dan misi UPNM.

Peraturan keluar mengundi 95.2 peratus iaitu 1,804 daripada 1,895 pelajar UPNM keseluruhannya.

Pelajar UNIMAS terbuka

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UNIMAS, Prof Dr Mohd Fadzil Abdul

"Bukan tidak mengiktiraf kumpulan terbabit tetapi kita mahu calon bertanding yang mendukung aspirasi universiti dengan harapan mereka bukan saja bakal menerajui kecemerlangan mahasiswa tetapi juga menyerlah dalam kepemimpinan.

"Calon yang terpilih bertanding menepati ciri ini dan kami memberi kepercayaan sepenuhnya bagi mereka menentukan bari-



Prof Kamarudin

dikesan memasuki kampus untuk menerapkan pengaruh kumpulan tertentu.

"Kita berjaya kawal anasir seumpama itu dan semua calon bertanding atas tiket individu.

"Sebanyak 31 kerusi dipertandingkan bagi pilihan raya kali ini iaitu sembilan kerusi umum dan 22 kerusi Pusat Pengajian," katanya di Kangar.

USIM beri kebebasan

Di Nilai, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah, juga memberi alasan mengelak perpecahan jika ada label kepada pelajar.



Prof Yuserrie bersama-sama calon yang layak bertanding dalam Pilihan Raya Kampus UMP.

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Proses pilihan raya kampus menyaksikan pertembungan antara calon Proaspirasi (Pro-A) dan Promahasiswa (Pro-M), namun lima universiti awam mengambil pendekatan berbeza dengan tidak mengiktiraf sebarang kumpulan.

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) tidak mahu sebarang label kepada mahasiswa.

Naib Canselor UniMAP, Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin, berkata universiti itu tidak membenarkan pelajar mewujudkan kumpulan kerana boleh mengakibatkan perpecahan.

"Walaupun pihak universiti tidak membenarkan pertandingan antara Pro-A dan Pro-M, namun ada cubaan pihak luar, termasuk graduan universiti yang